

Raja Permaisuri Agong berangkat Ke Forum Intelktual Diraja UTM di Johor

Oleh **BERNAMA** - September 3, 2024 @ 11:21pm



Raja Zarith Sofiah ketika berangkat ke Forum Intelktual Diraja Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Johor, hari ini. - Foto FB Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

KUALA LUMPUR: Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah hari ini berkenan berangkat ke Forum Intelktual Diraja Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Johor, hari ini.

Menerusi hantaran di Facebook Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, forum berjudul 'Pemeliharaan Islam Terhadap Perubahan Iklim dan Kelestarian Alam Sekitar' itu diadakan di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah di UTM Skudai di Johor Bahru.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda yang juga Canselor UTM disambut Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor, yang juga Pro-Canselor UTM.

"Perbincangan meneroka perkara berkaitan alam sekitar dan mengenal pasti tindakan praktikal yang boleh diambil, untuk menggalakkan kelestarian alam, selaras dengan panduan nilai-nilai Islam.

"Berpandukan kepada konsep khalifah, perbincangan tertumpu kepada dimensi etika dan peranan agama dalam menjaga alam sekitar seperti yang dinyatakan dalam Al-Quran dan Hadis," menurut hantaran itu.



Raja Zarith Sofiah (dua dari kiri) ketika berangkat ke Forum Intelktual Diraja Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Johor, hari ini. - Foto FB Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Topik perbincangan forum itu dikupas mantan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak dan Prof Emeritus Datuk Dr Azizan Baharuddin dari Fakulti Sains Universiti Malaya (UM), manakala Prof Adjung Akademi Tamadun Islam UTM, Dr Shaikh Mohd Saifudeen Shaikh Mohd Salleh, sebagai moderator forum berkenaan.

Turut hadir Naib Canselor UTM, Prof Datuk Dr Ahmad Fauzi Ismail; Pengerusi Pusat Kelestarian Johor, Datuk Hasni Mohammad dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor, Hishamuddin Abd Rahim.